



• **KENYATAAN AKHBAR**

25 August 2016

Untuk Siaran Segera

PERASMIAN CAWANGAN BANK MUAMALAT CAWANGAN GEMAS NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Gemas: Khamis 25 Ogos 2016 : Bank Muamalat Malaysia Berhad hari ini telah merasmikan cawangan barunya di Gemas, Negeri Sembilan dan ia merupakan cawangan Bank Muamalat yang ke- 3 di buka di negeri itu.

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Y. Bhg. Dato' Azmi Abdullah diiringi oleh Tuan Haji Peer Mohamed Ibramsha, Ketua Pegawai Operasi, Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Pada majlis tersebut, Bank Muamalat turut mengagihkan sumbangan dalam bentuk tunai kepada beberapa buah masjid dan surau yang terpilih di sekitar Daerah Gemas.

Bank Muamalat juga memberi tumpuan supaya sentiasa berdaya komersial dengan mengamalkan amalan industri yang baik serta memajukan produk-produk yang berorientasikan pasaran menuju ke arah perbankan Islam di mana ia mengembangkan lagi sistem kewangan Islam ke arah pembangunan satu sistem yang lebih dinamik, responsif dan mapan.

Pembukaan cawangan ini yang berdekatan dengan Kem Syed Sirajuddin, Gemas merupakan sebahagian daripada komitmen Bank Muamalat untuk memperluas dan mempertingkatkan perkhidmatan perbankan untuk komuniti setempat juga perkidmatan khususnya kakitangan angkatan tentera. Pada masa yang sama Bank Muamalat ingin memberi kemudahan kewangan untuk memudahkan agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang berdekatan untuk melakukan urusniaga kewangan, lantas menjana perkembangan ekonomi Daerah Gemas khasnya.

- Tamat -

Issued by Corporate Communications Department of Bank Muamalat Malaysia Berhad . For further information, please contact Saidatul Leiza Suleiman at leiza@muamalat.com.my or 011 – 3222 6558.

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (6175-W)

Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Tel : +603 2698 8787, 2059 1200, 2615 7000
Laman Web : www.muamalat.com.my Talian Bebas Tel : 1300 88 8787



Ahli kumpulan
DRB-HICOM